



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 25 APRIL 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	M'SIA, AS ASEAN CHAIR, TO CHAMPION REGIONAL FOOD SECURITY AND SUSTAINABILITY, BIZ & FINANCE, THE SUN- 13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	DAKWAAN NAJIS BABI PUNCA SUNGAI TERCEMAR DISIASAT, NEGERI, SH-26	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	BERAS KELANTAN TIADA CAMPURAN, NEGERI, SH-25	LAIN-LAIN
4.	ISU LADANG BABI DEMI KEPENTINGAN AWAM BUKAN UNTUK UNDI, NEGERI, UM-10	
5.	PENGUSAHA BABI DI AYER KUNING BEROPERASI IKUT SOP-AHMAD ZAID, NASIONAL, SH-10	
6.	ISU PENCEMARAN LADANG BABI UNTUK KEPENTINGAN AWAM, NEGARA, KOSMO-8	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/4/2025	THE SUN	BIZ & FINANCE	13

M'sia, as Asean Chair, to champion regional food security and sustainability

BY JOHN GILBERT
sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Malaysia is strategically positioned to spearhead regional initiatives in sustainable agriculture as the Asean Chair in 2025.

Agriculture and Food Security Ministry secretary-general Datuk Seri Isham Ishak said by focusing on slow food, local sourcing, and climate-smart farming, Malaysia is not only protecting its heritage but also future-proofing food systems.

"This reaffirms our commitment to the National Agrofood Policy 2.0 – a comprehensive policy built to modernise Malaysia's agrofood sector and secure our food resilience for generations.

"The agrofood sector contributes not just to GDP but to the daily well-being of every Malaysian household,"

he said at the International Café and Beverage Show 2025 and MyFood 2025 yesterday.

Isham said the National Agrofood Policy 2.0 lays out a bold vision, which is to transform Malaysia's agrofood system into one that is resilient, sustainable, technologically advanced, and inclusive.

Five strategic thrusts support this transformation – modernisation and smart agriculture, market and product development, human capital empowerment, sustainable and resilient food systems, and conducive business environment and governance.

"For 2025, we are prioritising the reformation of the paddy and rice industry, including upgrading paddy fields and restructuring the value chain.

"Our aim is to improve productivity, raise farmers' income, and

ensure a rice supply chain that can weather global volatility and climate threats. We are also working to boost the productivity of the ruminant subsector and attract greater private sector participation in high-value areas such as aquaculture, floriculture and fruits.

"A thriving local agriculture base is the foundation of export readiness. As we strengthen domestic production, we are naturally better positioned to tap into export markets – especially with premium products like durian, edible bird's nest, and ornamental fish, which already enjoy global demand," Isham said.

He noted that the Agriculture and Food Security Ministry's export facilitation initiatives have yielded remarkable outcomes.

Isham pointed out that in 2021,

296 Malaysian companies and 335 stock-keeping units (SKUs) were successfully introduced to international markets through food expos.

"By 2024, these figures had soared to 2,704 companies and 3,838 SKUs, an impressive leap that reflects the rising global recognition of Malaysian agrofood excellence. In the years to come, I am confident that we will witness an upsurge in these figures as more of our local food producers penetrate the global market," he said.

As Malaysia pushes towards a more competitive agrofood industry, quality and trust become the nation's strongest differentiators, Isham said.

"That is why we continue to champion 'Malaysia's Best', a commitment to quality assurance and sustainable practices across the agrofood supply chain. From MyGAP

to MyOrganic, and from Fama's Good Practice Labelling to globally accepted traceability systems, our certifications are not only benchmarks of safety and integrity but also symbols of Malaysian excellence."

Isham said through platforms such as MyFood, Malaysia can forge powerful collaborations among government, industry, academia, NGOs and agropreneurs.

"More than just a domestic showcase, an event like MyFood has also emerged as a catalyst in elevating Malaysia's agrofood identity on the global stage. By highlighting high-quality, value-added products, it opens up international markets for our local producers and enhances Malaysia's reputation as a reliable source of premium agro-based goods," he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	26

Dakwaan najis babi punca sungai tercemar disiasat

IPOH – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Perak bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) sedang menyaikat pencemaran air yang menjejaskan Sungai Bidor didakwa berpunca daripada aktiviti penternakan babi dan itik di Batu 2, Jalan Bruseh dekat Bidor.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional Perak, A Sivanesan berkata, kedua-dua agensi telah turun ke lokasi kejadian meninjau situasi dimaksudkan.

Menurutnya, beberapa sampel air dari titik-titik strategik juga diambil untuk dihantar ke makmal bagi analisis lanjut, termasuk ujian Biochemical Oxygen Demand (BOD).

"Sampel telah diambil dari ladang babi dan itik. Hasil siasatan mendapati ladang babi tersebut mematuhi peraturan ditetapkan, namun sampel efluen di bahagian akhir saluran pelepasan dan saluran ke sungai turut dihantar ke makmal untuk dianalisis.

"Bagi ladang itik, siasatan mendapati ia tidak menggunakan kolam untuk menternak itik, maka tiada pelepasan sisa air kumbahan keluar dari kawasan tersebut," katanya pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Hadir sama, Exco Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Teh Kok Lim.

Sivanesan memaklumkan, hasil analisis penuh dijangka diperoleh minggu depan mengikut spesifikasi Enakmen Pengawalan Perladangan Babi 1992.

"Berdasarkan rekod persampelan tahun lalu dan Januari lalu, bacaan BOD ladang terbabit mematuhi kadar minimum yang ditetapkan, iaitu pelepasan sisa kumbahan perlu kurang daripada 50 ppm.

"Kesemua ladang babi di Perak kini sedang melaksanakan sistem Penternakan Babi Moden (MPF) yang menetapkan pelepasan sifar atau *zero discharge*. DVS menjalankan persampelan dua kali setahun bagi memastikan pematuhan ini," katanya.

Sebelum ini, Naib Presiden Pas, Datuk Idris Ahmad mendesak kerajaan negeri menjelaskan isu kewujudan ladang babi di Kampung Poh yang terletak kurang lima kilometer dari kawasan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning dan didakwa menjadi antara punca pencemaran Sungai Bidor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Beras Kelantan tiada campuran

KOTA BHARU - Kerajaan Kelantan akan mengekalkan keaslian pengeluaran hasil beras dari negeri ini bagi memastikan tidak berlaku beras campuran import dan tempatan.

Exco Pertanian, Industri, Agro Makanan dan Komoditi, Datuk Tuan Mohd Saripuddin Tuan Ismail berkata, pihaknya sudah berbincang dan mengatur strategi untuk beras tempatan yang diproses di kilang milik kerajaan negeri tiada campuran beras lain.

"Kita akan melakukan proses beras serta dikampitkan dengan jenama Darul Naim," katanya menjawab soalan tambahan **Harun Ismail (Pas-Tawang)** ketika persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di sini pada Khamis.

Harun ingin mengetahui tentang jaminan Kerajaan Kelantan supaya pengeluaran padi di Kelantan telus dan tidak mahu digemparkan dengan beras campuran antara beras tempatan dan import seperti yang berlaku sebelum ini.

Mengulas lanjut, Tuan Mohd Saripuddin memberitahu, beras yang dikeluarkan di Kelantan digunakan di seluruh negara walaupun kilang yang dinamakan Kilang Padi dan Beras Darulnaim Sdn Bhd di Meranti, Pasir Mas belum siap sepenuhnya.

Sementara itu, menjawab soalan **Mohd Adanan Hassan (Pas- Kelaboran)** mengenai usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan Kelantan dapat mengeluarkan beras sendiri, Tuan Mohd Saripuddin memaklumkan, solat hajat sempena kilang itu memulakan



Tuan Mohd Saripuddin menjawab soalan tambahan Harun ketika persidangan DUN Kelantan pada Khamis.

pembelian padi untuk diproses akan diadakan pada 27 April ini.

Beliau berkata, kapasiti pengeluaran kilang berkenaan dianggarkan sebanyak 600 tan metrik sehari dengan simpanan padi kering melebihi 40,000 tan metrik.

Dalam pada itu, beliau berkata, pengeluaran padi tahun ini akan meningkat dan mencukupi ekoran cuaca yang agak baik.

"Maklumat yang kita terima sebanyak lebih 90 peratus daripada kawasan padi di Kelantan ditanam padi dan cuaca baik membantu petani mendapatkan hasil lebih banyak," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	NEGERI	10

Isu ladang babi demi kepentingan awam bukan untuk undi - PN

TAPAH: Perikatan Nasional (PN) tidak menunggang isu babi semata-mata untuk meraih sokongan pengundi pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning, Sabtu ini.

Naib Presiden Pas, Datuk Idris Ahmad berkata, isu ladang babi yang dibangkitkan gabungan parti pembangkang itu bersifat kepentingan awam yang kritikal.

“Jangan bagi tahu kami nak tunggang isu babi. Ini tugas kami sebagai pembangkang yang konstruktif, bukan untuk kepentingan peribadi tetapi kepentingan rakyat.

“Sepatutnya, isu-isu macam ni tiada masalah. Isu yang kita berganding bahu bersama,” katanya pada Sidang Media Harian PN sempena PRK DUN Ayer Kuning di sini, semalam.

Kelmarin, PN menggesa kerajaan negeri menyiasat dan mengambil tindakan terhadap sebuah ladang ternakan babi yang didakwa membuang sisa najis haiwan itu ke Sungai Bidor.

Pimpinan PN melakukan tin-



IDRIS Ahmad (tengah) dalam sidang akhbar PN di Tapah, semalam.

jauan di ladang ternakan haiwan itu yang terletak di Kampung Poh, Bidor terletak 140 meter daripada penempatan.

Dakwanya, isu ladang babi itu menyebabkan penduduk terpaksa mengambil tindakan sendiri untuk mengatasinya.

“Walaupun pernah diambil tindakan sendiri oleh pihak penduduk dengan skala yang kecil. tindakan tidak berapa berkesan.

Tetapi, apabila ada ADUN kita di (sidang) Dewan Undangan Negeri bangkit dan ada sidang media barulah ada sedikit respon dan menjadi satu isu nasional.

“Saya tegaskan, bukan kita melarang orang bukan Islam makan babi. Kita hanya nak bercakap dari segi pencemaran, soal berkenaan hal-hal yang membabitkan kesihatan. Itu yang kita bangkitkan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Pengusaha babi di Ayer Kuning beroperasi ikut SOP - Ahmad Zahid



AHMAD ZAHID

KUALA LUMPUR - Pengusaha ladang babi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan pihak berkuasa, oleh itu cadangan pembangkang mengenai penambahbaikan operasi mereka adalah tidak relevan, kata Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata, pengusaha berkenaan sudah mendapat lesen mengusahakan ternakan mereka sejak sekian lama.

"(Kenapa) ketika mereka menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pertanian tidak ada usaha untuk melakukan penambahbaikan," katanya ketika ditemui semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri ATM 2025 di Wisma Perwira ATM di sini pada Khamis.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian bagi mengulas beberapa dakwaan pembangkang berhubung kewujudan ladang babi di kawasan berkenaan, yang

menurut mereka perlu dibuat sesuatu.

Ditanya mengenai tahap keyakinan berhubung peluang calon BN, Dr Mohamad Yusri Bakir pada Pilihan Raya Kecil DUN Ayer Kuning,

Ahmad Zahid berkata, beliau berharap pengundi dari seluruh lapisan masyarakat dapat memberikan sokongan terhadap calon itu.

"Saya sendiri akan berada di Ayer Kuning esok (Jumaat) dari pagi hingga malam, kita akan ber-

usaha sedaya upaya dan sekuat mungkin untuk menentukan pengkalan kerusi itu di tangan BN," katanya.

PRK DUN Ayer Kuning yang diadakan susulan kematian penyandanganya Ishsam Shahrudin, akibat serangan jantung pada 22 Februari lepas, menyaksikan pertandingan tiga penjurua antara Mohamad Yusri, calon Perikatan Nasional (PN), Abd Muhaimin Malek dan calon Parti Sosialis Malaysia (PSM), Bawani KS. - *Bernama*

PRK DUN
AYER KUNING

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/4/2025	KOSMO	NEGARA	8

Isu pencemaran ladang babi untuk kepentingan awam

TAPAH – Perikatan Nasional (PN) tidak menunggang isu babi semata-mata untuk meraih sokongan pengundi pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning esok.

Naib Presiden Pas, Datuk Idris Ahmad berkata, isu ladang babi yang dibangkitkan gabungan parti pembangkang itu bersifat

kepentingan awam yang kritikal.

"Ini tugas sebagai kami sebagai pembangkang yang konstruktif demi kepentingan rakyat.

"Sepatutnya, isu-isu macam ni tiada masalah. Isu yang kita berganding bahu bersama," katanya pada sidang akhbar semalam.

Media semalam melaporkan PN menggesa kerajaan negeri

menyiasat dan mengambil tindakan terhadap sebuah ladang ternakan babi yang didakwa membuang sisa najis haiwan itu ke Sungai Bidor.

Pimpinan PN melakukan tinjauan di ladang ternakan haiwan itu yang terletak di Kampung Poh, Bidor yang terletak 140 meter daripada penempatan.

Dakwanya, isu ladang babi itu menyebabkan pihak penduduk terpaksa mengambil tindakan sendiri.

"Walaupun pernah diambil tindakan sendiri oleh pihak penduduk dengan skala yang kecil. Tindakan tidak berapa berkesan, tetapi apabila ada ADUN kita di (sidang) Dewan Undangan Neg-

eri bangkit dan ada sidang media barulah ada sikit respon dan menjadi satu isu nasional.

"Saya tegaskan bukan kita melarang orang bukan Islam makan babi. Kita hanyalah nak bercakap dari segi soal pencemaran, soal berkenaan hal-hal yang membabitkan soal kesihatan. Itu yang kita bangkitkan," katanya.